# HARIAN METRO – ISNIN 1 JANUARI 2018



»Harga satu tangan elektronik bermula dari RM5,000 mengikut kecacatan tangan

HARIAN METRO

# SUJANA TEMBUS GLOBAL

■ *Tangan palsu elektronik cetakan 3D ciptaan anak tempatan akan dijual di Singapura, Australia*

Mahaizura Abd Malik
mahaizura@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Selepas empat tahun berkecimpung dalam dunia pembuatan tangan palsu cetakan tiga dimensi (3D) elektronik, rekaan terbaru anak tempatan Sujana Mohd Rejab bakal menembusi pasaran luar negara bermula Mac ini.

Menurut Sujana, pasaran itu akan memfokuskan kepada rekaan terbarunya, tangan elektronik cetakan 3D, Delta Bionic EXIII yang direka menggunakan perisian 3D dan sensor baru disiapkan pada Disember.

"Produk ini pada asalnya, diadaptasikan dari Jepun. Penyelidikan dan pembangunan (R&D) mengambil masa enam bulan dan semua proses ubah suai termasuk komponen perkakasan serta perisian untuk menghasilkan tangan yang boleh berfungsi seakan-akan tangan semula jadi manusia ditambah saya 100 peratus.

"Berbeza dengan rekaan kami sebelum ini menggunakan tali dan getah memerlukan seseorang itu menggerakkan anggota badan lain serta jemarinya kaku tetapi dengan tangan bionik ini ia boleh membuat tugasan mudah seperti mengikat tali kasut, menggenggam botol air mineral bersaiz kecil (500 liter) dan menulis menggunakan pen bersaiz besar seperti pen 'marker'.

"Kita menggunakan motion sensor yang diprogramkan khusus untuk menghasilkan setiap pergerakan ini," katanya kepada Harian Metro.

Menurutnya, setakat ini rekaan terbaru itu menarik perhatian sebuah syarikat pencetakan 3D di Singapura yang berminat mengembangkan pasaran ke Singapura dan Australia.

"Syarikat berkenaan sudah bersetuju untuk membeli rekaan kita dan buat permulaan memasarkannya di Singapura dan Australia.

"Ini peluang terbaik untuk kita memperkenalkan produk anak tempatan ke luar negara," katanya.

Katanya, kejayaan R&D itu membakar semangatnya untuk terus membantu golongan memerlukan dalam menghasilkan tangan palsu yang lebih sempurna, selesa dan berpatutan.

"Bukan kata kita ingin beri percuma kepada orang kurang upaya (OKU) yang memerlukan tangan palsu, namun objektif utamanya adalah memasarkan produk yang berfungsi seakan tangan semula jadi pada harga berpatutan.

"Dengan rekaan baru ini, sekurang-kurangnya kita dapat memberi penjimatan kepada pengguna antara RM3,000 hingga RM7,000 untuk satu tangan palsu berbanding sebelum ini RM8,000 ke RM12,000," katanya harga satu tangan baru itu ialah bermula dari RM5,000 bergantung kepada tahap kecacatan tangan.

Penerima Anugerah Ikon Negaraku Tahun 2017 itu berkata, selain mengembangkan pasaran ke luar negara, dia juga bakal membuka tiga lagi cawangan di Johor Bahru, Johor; Kota Kinabalu, Sabah dan Kemaman, Terengganu tahun ini.








SUJANA menunjukkan tangan palsu elektronik hasil ciptaannya.

